

PERINTAH TETAP OPERASI
BIL: 2/2001
PEMERIKSAAN DAN UJIAN PILI
BOMBA

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP OPERASI BIL. 2/2001

Tarikh : 26 Febuari 2001

No. Rujukan : JBPM :OPS/011/1/Jld.11

PEMERIKSAAN DAN UJIAN PILI BOMBA

1. PENDAHULUAN

Pili bomba merupakan sumber bekalan air yang utama di Malaysia bagi Pasukan Bomba dan Penyelamat, Malaysia untuk menjalankan kerja-kerja pemadaman kebakaran selain daripada bekalan air yang diperolehi dari sungai, lombong, kolam, longkang dan sebagainya. Memandangkan pili bomba amat penting bagi pasukan bomba dan penyelamat mendapatkan air untuk operasi pemadaman kebakaran, maka pemeriksaan dan ujian pili bomba merupakan satu tugas yang amat penting bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Di samping itu, pemeriksaan dan ujian pili bomba membolehkan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia membuat persediaan awal serta memberikan keyakinan tinggi dalam operasi pemadaman kebakaran.

2. TUJUAN

Perintah tetap ini bertujuan untuk memberikan penjelasan dan garis panduan dalam aspek pemeriksaan dan ujian ke atas pili bomba supaya ianya sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

3. UNIT PENYELENGGARAAN PILI BOMBA

Kerja-kerja pemeriksaan pili bomba hendaklah diadakan di balai-balai bomba di bawah pengelolaan Unit Penyelenggaraan Pili Bomba yang terdiri sekurang-kurangnya seorang Ahli Bomba Kanan (KB 12) dan seorang Ahli Bomba (KB 13)

4. TUGAS UNIT PENYELENGGARAAN PILI BOMBA

Pegawai-pegawai yang ditugaskan di bawah unit ini hendaklah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:-

- 4.1 Membuat pemeriksaan dan ujian ke atas pili bomba
- 4.2 Membuat penyelenggaraan dan mengawalselia pili bomba
- 4.3 Merekod pemeriksaan, ujian, penyelenggaraan serta lain-lain kerja berkaitan pili bomba.
- 4.4 Membuat laporan keadaan pili bomba kepada pegawai penjaga balai.

5. PEMERIKSAAN DAN UJIAN PILI BOMBA

Mengikut buku 7, *Manual of Firemanship, Chapter 8, Inspection and testing of hydrant, p.90*, pili bomba hendaklah dibuat pemeriksaan dan ujian sekurang-kurangnya sekali setahun dan sekiranya keadaan mengizinkan hendaklah dibuat dua kali setahun manakala dalam buku *The Fire Department water supply*

handbook, chapter 6, fire hydrants as a water source, p.159, mengkehendaki pili bomba diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun. Berdasarkan pengamalan tersebut, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia membuat penetapan supaya pili bomba hendaklah dibuat pemeriksaan dan ujian secara berjadual/berkala **sekurang-sekurangnya dua kali setahun**, selain daripada arahan daripada Pegawai Penjaga atau aduan daripada orang ramai.

6. PERSEDIAAN DAN PROSEDUR PEMERIKSAAN DAN UJIAN PILI BOMBA

6.1 Sebelum pemeriksaan pili bomba.

Pegawai Penjaga Balai Bomba dikehendaki memastikan perkara-perkara berikut disediakan:-

6.1.1 Buku rekod pemeriksaan pili bomba yang menyenaraikan semua maklumat penting setiap pili bomba termasuk jadual pemeriksaannya.

6.1.2 Peralatan untuk kerja-kerja penyelenggaraan pili bomba

- i. Cangkul
- ii. Parang
- iii. Cat, berus dan lain-lain alatan berkaitan
- iv. *Shovel*
- v. *Hydrant Wrench*
- vi. *Hydrant Cover Key*
- vii. *Hydrant Key and bar*
- viii. Minyak *Greese*
- ix. Kad/borang rekod pili bomba.

6.1.3 Peralatan pengujian pili bomba seperti berikut :-

- i. *Flow gauge or flow meter*
- ii. *Hydrant cap with pressure gauge*
- iii. *Hydrant wrenches*
- iv. *Smooth bore nozzles*
- v. *Flow test kit.*

6.2 Semasa pemeriksaan dan ujian pili bomba.

Pemeriksaan pili bomba hendaklah bermula dengan membuat penelitian ke atas fizikal pili bomba dan seterusnya ke atas kawasan sekelilingnya supaya dapat diketahui kesukaran yang mungkin akan dihadapi oleh anggota bomba semasa menggunakan pili bomba. Pemeriksaan secara terperinci seterusnya hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:-

6.2.1 Memeriksa dan mengenalpasti kedudukan pili bomba sebenar berdasarkan maklumat pemasangan awal daripada Kad Rekod Pemeriksaan pili Bomba yang telah membuat pemeriksaan dan ujian sebelumnya.

6.2.2 Hendaklah bawa bersama Kad Rekod Pemeriksaan pili bomba seperti pada **lampiran 'A'**.

6.2.3 Memeriksa pili bomba sekiranya terdapat sebarang bentuk halangan seperti jalan keluar masuk ke pili bomba, dilindungi oleh tiang lampu, pagar, pokok dan lain-lain.

6.2.4 Memeriksa *chamber* pili bomba supaya ianya tidak tertimbus dan memudahkan anggota bomba mendapatkan air.

6.2.5 Memeriksa keadaan fizikal pili bomba. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan yang menjejaskan operasi mendapatkan bekalan air, maka hendaklah diambil tindakan segera.

6.2.6 Memeriksa keseluruhan pili bomba samada ianya perlu dicat atau sebagainya.

6.2.7 Memeriksa keseluruhan pili bomba seperti *outlet threads*, *lubrication* dan kekemasannya.

6.3 Selepas pemeriksaan dan ujian pili bomba.

6.3.1 Mengemukakan Kad Rekod Pemeriksaan Pili Bomba kepada pegawai bertugas atau Pegawai Penjaga Balai bagi mendapatkan tandatangan dan pengesahan.

6.3.2 Merekodkan maklumat berkaitan ke dalam Buku Rekod Pemeriksaan pili bomba.

6.3.3 Sekiranya terdapat kerosakan ke atas pili bomba, Pegawai Penjaga hendaklah membuat laporan segera kepada Jabatan Bekalan Air/Pihak Berkuasa Air untuk mendapatkan anggaran kos penyelenggaraan dan salinan dihantar kepada Penolong Pengarah Negeri Bahagian Operasi untuk perhatian dan kelulusan peruntukan. Penjelasan pengendalian ke atas penyelenggaraan pili bomba adalah dalam para 7 iaitu Tatacara Penyelenggaraan Pili Bomba.

7. TATACARA PENYELENGGARAAN PILI BOMBA

- 7.1 Pemeriksaan pili bomba adalah berdasarkan pemeriksaan berjadual/berkala, mendapatkan arahan daripada Pegawai Penjaga balai atau aduan daripada orang ramai.
- 7.2 Kerja-kerja pemeriksaan pili bomba dilakukan oleh Unit Penyelenggaraan Pili Bomba yang ujud di balai-balai bomba seluruh negara.
- 7.3 Pegawai Penjaga Balai akan membuat laporan kerosakan (sekiranya ada) kepada Jabatan Bekalan Air atau Pihak berkuasa Air untuk mendapatkan anggaran kos pembaikpulihan dan salinan kepada Penolong Pengarah Negeri (Bahagian Operasi) untuk perhatian dan kelulusan peruntukan.
- 7.4 Setelah menerima anggaran kos pembaikpuli kerosakan pili bomba, Pengarah Bomba Negeri/Penolong Pengarah Bomba Negeri (Bahagian Operasi) mengeluarkan waran kepada JBA atau PBA Negeri dan memaklumkan kepada Pegawai Penjaga Balai sebagai pemantauan.
- 7.5 Setelah selesai kerja-kerja pembaikpulihan dibuat, JBA atau PSA Negeri memaklumkan kepada Pegawai Penjaga Balai berkaitan.
- 7.6 Pegawai Penjaga Balai berkaitan membuat pemeriksaan semula ke atas pili bomba tersebut bagi menentukan kesempurnaan kerja-kerja yang dilaksanakan.
- 7.7 Merekod pili bomba yang telah dibaikpulih dalam Buku Rekod Penyelenggaraan dan Ujian Pili Bomba dan seterusnya melaporkan kepada Pengarah Bomba Negeri.


Tatacara aliran penyelenggaraan pili bomba seperti Lampiran 'B'.

8. LAPORAN BILANGAN , KEROSAKAN, PENYELENGGARAAN PILI BOMBA

- 8.1 Pengarah Bomba Negeri hendaklah mengemukakan laporan bilangan/ kerosakan serta penyelenggaraan pili bomba setiap bulan kepada Bahagian Operasi, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia iaitu sebelum atau pada 5 haribulan .
- 8.2 Laporan ini hendaklah menggunakan Borang PPR-1 yang dikeluarkan oleh Bahagian Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui surat bil. JBPM : OPS/011/1 Jld.1(94) bertarikh 5 April 2000 seperti Lampiran C .

9. PENUTUP

Dengan keluarnya Perintah Tetap Operasi terbaharu ini, maka peraturan-peraturan terdahulu yang berkaitan dibatalkan. (Perintah Tetap Operasi Bil.1 Tahun 1980)


(DATO' JAAFAR SIDEK BIN TAMBI)
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
PUTRAJAYA

Bertarikh : 26 - 02 - 2001

Bahagian Operasi, Ibu Pejabat,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
62000 PUTRAJAYA.

LAMPIRAN 'A'

KRPPB

KAD REKOD PEMERIKSAAN PILI BOMBA (KRPPB)

No. Pili Bomba :


Lokasi :

Jenis Pili Bomba : Saiz Paip (Main) :

Tarikh Dipasang :

Rekod Ujian Tekanan dan Aliran (Flow) Pili Bomba					
Tarikh	Penguji	Ujian Pili Bomba			
		Tekanan Air (Semasa Statik)	Tekanan Air (Semasa Aliran)	Aliran Air (GPM)	T/tangan Pegawai
Rekod Kerosakan					
		Jenis Kerosakan	Lain-lain masalah		
Rekod Penyelenggaraan atau Baikpulih					
		Jenis Penyelenggaraan	Kerja-kerja Baikpulih		

CARTA ALIRAN PENYELENGGARAAN PILI BOMBA



STATISTIK BILANGAN, KEROSAKAN, PENYELENGARAAN PILI BOMBA, BULAN _____

A. Statistik Pili Bomba

		Jum. terkumpul bulan lalu	Jum. Bulan ini	Jum. terkumpul terkini
1	Pili Bomba			
	Awam			
2	Pili Bomba			
	Swasta			
3	Program Teman			
	Pili Bomba			

B. Kerosakan Pili Bomba

	Jum. terkumpul bulan lalu(A)	Jumlah baiki/ganti(B)	Jum. rRosak bulan ini(C)	Jum. terkumpul terkini(A-B+C)
1				
2				
3				
4				
5				

C Lain-lain Masalah Kerosakan

1	Pili Bomba dihalang			
2	Pili Bomba dikepong			
3	Chamber pili Bomba dialih			
4	Kotak chamber pili bomba hilang			
5	Outlet cap pillar hilang			
6	Lain-lain Masalah berkaitan			

D. Penyelenggaraan Pili bomba

	Jum. terkumpul bulan lalu	Jum. bulan ini	Jum. terkumpul terkini
1			
2			
3			
4			

E. Pemasangan Pili Bomba Baru oleh Jabatan

1	Cadangan pemasangan pili bomba			
2	Pemasangan pili bomba yang dilakukan			

Laporan ini perlu dihantar setiap bulan ke Bahagian Operasi, Ibu pejabat